

SILAT SUKAN SEA '89/ Jika dipilih...

Wan Adnan sedia kibarkan bendera Malaysia

- 1 JAN 1989

8. Minggu (M)



■ BUKA LANGKAH...Wan Adnan pesilat harapan negara

Oleh RAHIME YUSOFF

KEJAYAAN pertama mengutip pingat emas di Kejohanan Silat Jemputan Sedunia Singapura pada Ogos lalu, membangkitkan semangat Wan Adnan Wan Isa untuk berusaha lebih gigih bagi mengisi tempat dalam skuad Sukan SEA '89 di Kuala Lumpur.

Sekalipun masih mentah menghancurkan kejohanan antarabangsa, dia sudah membuktikan semua itu bukan halangan bagi mengibarkan bendera Malaysia dalam sukan silat.

Malah selepas kejayaan pertama, anak muda Pasir Mas itu seakan ditimpa igauan untuk terus diberi peluang bagi berbakti kepada negara di Kejohanan Jemputan Brunei pada Februari ini.

"Saya ingin mencatat sejarah kedua di Bandar Seri Begawan jika dipilih nanti. Bagaimanapun, terpulang kepada pengurus pasukan, Haji Shafie Abdul Rahman membuat keputusan. Sekiranya diberi peluang, saya mahu pastikan pingat emas tetap milik negara," kata Wan Adnan.

Beliau berkata, sekalipun tidak disambut meriah selepas kemenangan pertama itu, dia tidak langsung menampakan kehampaan.

"Bagi saya kejayaan itu penting. Saya sudah buktikan kepada negara inilah (pingat emas) sumbangan daripada keringat atlet silat. Saya mahu maju dan merangkul pingat di Sukan SEA nanti," kata pesilat Kelantan itu.

Sinaran bintangnya mula dikesan di kejohanan kebangsaan, Port Dickson Julai lalu, setelah memenangi pingat perak Kelas F apabila tumpas kepada pesilat kebangsaan, Rozaidi Abdul Rahman dari Selangor di perlawanan akhir.

Akhirnya, Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) menyenarai Wan Adnan ke Singapura setelah menunjukkan kematangan sepanjang

latihan pusat peringkat kedua di Kuala Terengganu, seminggu sebelum kejohanan berkenaan.

"Saya tidak menduga dipilih ke Singapura kerana sekadar naib johan kebangsaan. Setelah nama diumumkan, semangat makin memuncak bagi mengharumkan nama negara.

"Malah dalam perjalanan sewaktu hendak menyeberangi Selat Teberau, saya masih tertanya-tanya mengenai kemampuan diri sendiri dan bagaimana agaknya apabila berdepan pesilat Eropah yang lebih tinggi dan tegap. Akhirnya, saya memberi jawapan kemenangan dengan sokongan jurulatih, pengurus dan rakan-rakan seperjuangan," kata Wan Adnan, 18.

Bagaimanapun, perjuangannya belum tamat. Matlamatnya ialah merangkul pingat emas di Sukan SEA nanti.

"Saya serahkan semua itu kepada jurulatih dan pengurus pasukan. Apa yang saya dapat laksanakan ialah berlatih dengan tekun dan gigih. Jika dipilih, keinginan saya ialah pingat emas," kata pesilat daripada Perguruan Gayong Pesaka Kelantan.

Biarpun darah gemuruh membakar perasaan sewaktu turun ke gelanggang di Singapura, dia mempamerkan semangat perjuangan tanpa mudah mengaku kalah.

"Barangkali, semangat 'Tok Janggut' merasuk saya untuk berjuang habis-habisan. Saya lebih rela kecundang di gelanggang daripada mundur dengan putih mata," katanya.

Pelajar Sekolah Menengah Sultan Ibrahim Pasir Mas itu mula mempelajari silat secara serius tiga tahun lalu setelah penubuhan kelab silat di sekolah itu. Selepas itu, dia dipilih oleh guru utama perguruan Silat Gayong Pesaka Kelantan, Abdul Rajab Samad, bagi menyertai silat olahraga.